



Kenyataan Dasar

1/2022

Tarikh: 22 Julai 2022

Perkembangan Ekonomi Global dan Serantau

1. Dalam laporan World Economic Outlook yang telah dikeluarkan pada bulan April 2022, International Monetary Fund (IMF) telah menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi global bagi tahun 2022 daripada 4.4% kepada 3.6%. Ini disebabkan oleh ancaman ke atas pemulihan ekonomi global dengan kesan-kesan limpahan daripada pencerobohan Rusia ke atas Ukraine, termasuk kejutan bekalan dan kadar inflasi yang lebih tinggi. Konflik ini telah memburukkan lagi tekanan ekonomi akibat pandemik COVID-19 yang masih ditempuhi oleh ekonomi-ekonomi yang *emerging* dan sedang membangun. Jangkaan kadar pertumbuhan bagi kedua-dua ekonomi maju, serta yang *emerging* dan sedang membangun telah masing-masing diturunkan kepada 3.3% dan 3.8%. Faktor-faktor risiko penurunan lain terhadap jangkaan pertumbuhan global termasuk kemunculan semula pandemik serta pertumbuhan ekonomi yang perlahan di China.
2. Harga minyak telah beransur pulih sejak akhir tahun 2020 dan harga minyak Brent telah melonjak pada suku pertama tahun 2022 dan memuncak pada awal bulan Mac 2022, di tengah-tengah peperangan di Ukraine dan bekalan minyak global yang ketat. Pada tempoh terdekat, harga minyak global dijangka menurun berikutan dengan penurunan permintaan minyak disebabkan oleh prospek keperlahan pertumbuhan ekonomi global dan sekatan pergerakan di China berikutan penularan wabak COVID-19. Di samping itu, harga bagi gas asli juga telah melonjak pada separuh pertama tahun 2022 disebabkan oleh peperangan di Ukraine dan dijangka akan kekal pada tahap yang tinggi dalam masa terdekat oleh kerana gangguan bekalan yang berterusan. Walau bagaimanapun, tinjauan bagi kedua-dua harga minyak dan gas asli adalah tidak menentu dan bergantung kepada beberapa faktor termasuk tempoh peperangan di Ukraine, sekatan-sekatan yang berkaitan serta dasar pengimpotan minyak dan gas daripada Rusia.
3. Dengan pemulihan beberapa ekonomi sejak hujung tahun 2021, kebanyakan bank-bank pusat telah mula mengurangkan rangsangan monetari. Namun, dengan peningkatan kadar inflasi global berterusan pada kebelakangan ini yang didorong oleh gangguan bekalan yang semakin

teruk disebabkan oleh impak dari COVID-19 dan peperangan di Ukraine, bank-bank pusat bertindak untuk mengetatkan dasar monetari pada kadar yang lebih cepat daripada jangkaan. Walaupun keadaan kadar faedah yang tinggi boleh membantu mengatasi masalah inflasi, ia berkemungkinan akan mendatangkan kesan limpahan yang signifikan, seperti risiko kemerosotan ekonomi yang lebih tinggi dan kesan negatif terhadap pinjaman korporat dan isi rumah, terutamanya memandangkan kadar pertumbuhan di beberapa ekonomi masih belum kukuh. Perkembangan-perkembangan tersebut perlu dipantau oleh penggubal-penggubal dasar untuk memastikan kestabilan makroekonomi dan kewangan.

Perkembangan Ekonomi Negara Brunei Darussalam

4. Pada tahun 2021, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menurun pada kadar 1.6%. Sebahagian besar penurunan tersebut didorong oleh kemerosotan sektor Minyak dan Gas sebanyak 4.8%, berikutan penurunan aktiviti Perlombongan Minyak dan Gas sebanyak 3.0%, dan Pembuatan Gas Cecair Asli (LNG) sebanyak 10.6%. Pada masa yang sama, sektor Bukan Minyak dan Gas mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.0%, disumbangkan oleh perkembangan di dalam sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan sebanyak 16.9%, dan sektor Perkhidmatan sebanyak 2.4%. Kenaikan paling ketara bagi sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan pada tahun 2021 adalah bagi aktiviti-aktiviti Perikanan (27.1%), dan Ternakan (19.3%). Kenaikan bagi sektor Perkhidmatan pula sebahagian besarnya didorong oleh aktiviti Perhotelan (24.7%), Pengangkutan Darat (14.7%), dan Perkhidmatan Perniagaan (6.0%).
5. Ekonomi domestik dijangka akan kembali pulih pada tahun 2022 berikutan pelonggaran langkah-langkah kawalan COVID-19 secara beransur-ansur. Walaupun gelombang ketiga jangkitan tersebut yang bermula pada bulan Februari 2022 telah menjejaskan operasi perniagaan, hasil daripada kaji selidik Indeks Sentimen Perniagaan (Business Sentiment Index (BSI)) menunjukkan bahawa secara amnya, peniaga-peniaga menunjukkan keyakinan terhadap keadaan ekonomi dalam tempoh masa terdekat mengambilkira pelonggaran sekatan yang telah diperkenalkan. Namun, para peniaga masih menghadapi beberapa cabaran seperti peningkatan kos menjalankan perniagaan serta kekurangan tenaga kerja. Isu tenaga kerja tersebut termasuk jumlah pekerja asing yang kembali ke negara asal masing-masing yang tinggi dan proses yang lambat untuk membawa masuk pekerja asing yang baharu, serta kesukaran untuk mengambil dan mengekalkan pekerja tempatan.
6. Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi tahun 2021 telah meningkat sebanyak 1.7% berbanding tahun 2020. Ini adalah sejajar dengan unjuran inflasi BDCB bagi tahun 2021 iaitu di dalam lingkungan 1.0% hingga 2.0%. Peningkatan ini disebabkan oleh kenaikan harga Kenderaan Bermotor; Pengangkutan Udara; Minyak dan Lemak Binatang; Daging; Sayur-Sayuran Segar; dan Fabrik Kain.

7. Data inflasi terkini mencatatkan peningkatan kadar IHP sebanyak 3.3% tahun-ke-tahun pada tiga bulan pertama 2022. Memandangkan gangguan terhadap rantaian bekalan global dijangka akan berterusan di dalam tempoh masa yang terdekat dan kadar inflasi global yang mungkin kekal tinggi pada jangka masa tersebut, ini akan memberi tekanan ke atas kadar inflasi pengguna secara keseluruhan bagi Negara Brunei Darussalam pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh langkah-langkah pengetatan dasar monetari yang telah dilaksanakan oleh Monetary Authority of Singapore (MAS) sebanyak tiga kali dalam tempoh tujuh bulan pertama 2022, dan mengambil kira persamaan nilai dolar Brunei dan dolar Singapura, impak kadar inflasi global terhadap kadar inflasi di Negara Brunei Darussalam dijangka adalah minima. Berdasarkan faktor-faktor di atas dan data yang ada, unjuran inflasi BDCB bagi 2022 adalah di dalam lingkungan 2.0% hingga 3.0%.

Perkembangan Sektor Monetari dan Kewangan Negara Brunei Darussalam

8. Mengambil kira kadar-kadar yang semakin meningkat dalam persekitaran global, pihak BDCB akan memastikan operasi monetari adalah selaras dengan prinsip Lembaga Mata Wang [*Currency Board principles*]. Jawatankuasa Kestabilan Kewangan dan Monetari (FMSC) telah menaikkan kadar Overnight Standing Facility sebanyak dua kali, masing-masing pada kadar 12.5 *basis points* semasa mesyuarat Jawatankuasa pada bulan April dan Jun 2022. Kadar Simpanan dan Pinjaman kemudahan Overnight Standing Facility masing-masing adalah pada kadar 0.25% dan 1.25% setakat hujung bulan Jun 2022. FMSC akan sentiasa memastikan bahawa tahap kecairan adalah mencukupi untuk mendukung kecekapan sistem kewangan domestik.
9. Sektor kewangan Negara Brunei Darussalam, yang terdiri daripada institusi-institusi kewangan Islam dan konvensional, merekodkan kadar pertumbuhan sebanyak 7.9% tahun-ke-tahun dengan nilai aset keseluruhan berjumlah BND23.9 bilion pada suku pertama tahun 2022, di mana sebanyak BND13.9 bilion (58.0%) adalah aset kewangan Islam. Sebanyak 92.0% daripada jumlah keseluruhan aset sektor kewangan adalah daripada institusi-institusi penerima deposit dengan nilai aset berjumlah BND22.0 bilion.
10. Dalam laporan *Refinitiv Islamic Finance Development Report 2021: Advancing Economies* yang mengambil kira data keseluruhan bagi tahun 2020, Negara Brunei Darussalam telah ditempatkan di kedudukan ke-dua belas daripada 135 buah negara pada tahun 2021 dengan skor 34 mata dalam *Islamic Finance Development Indicator* (IFDI). Negara Brunei Darussalam meraih tempat pertama seiring dengan Malaysia, Indonesia dan Bahrain bagi Peraturan, di bawah sub-penunjuk Tadbir Urus, dan telah mencapai kedudukan ke-lima bagi sub-penunjuk Penyelidikan dengan peningkatan yang ketara di dalam pengetahuan kewangan Islam. Laporan tersebut juga mengenal pasti Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu negara yang menerbitkan jumlah sukuk yang signifikan di rantau Asia Tenggara dan merupakan salah

satu pasaran kewangan Islam yang membangun dan mempunyai peluang di dalam bidang Islamic FinTech.

11. Analisis makro-prudential BDCB terhadap sektor perbankan mendapati bahawa tahap keseluruhan risiko pada suku pertama 2022 telah meningkat berbanding dengan suku keempat 2021. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan dalam tahap risiko keuntungan perbankan yang mencatatkan penurunan dalam jumlah keuntungan perbankan sebanyak 64.5% suku-ke-suku, dan 51.9% tahun-ke-tahun. Tahap risiko makroekonomi lebih tinggi daripada risiko-risiko lain disebabkan oleh kesan gelombang kedua dan ketiga wabak COVID-19 kepada ekonomi negara dengan langkah-langkah kawalan pergerakan yang ketat semasa jangka masa tersebut. Meskipun telah mengharungi gelombang kedua dan ketiga COVID-19, industri perbankan di Negara Brunei Darussalam kekal berdaya tahan dengan tahap modal dan kecairan yang tinggi. Risiko kualiti kredit bagi sektor isi rumah dan korporat telah menunjukkan penambahbaikan di mana pinjaman/pembiayaan yang tertunggak dari segi jumlah dan nisbah telah menurun.
12. Kedudukan modal industri perbankan pada suku pertama tahun 2022 kekal kukuh dan berdaya tahan dengan agregat *Capital Adequacy Ratio* sebanyak 20.9%, yang mana melebihi keperluan minima sebanyak 10.0% seperti yang ditetapkan di dalam Perintah Perbankan, 2006 dan Perintah Perbankan Islam, 2008. Industri perbankan juga mempunyai aset cair yang mencukupi dengan nisbah Aset Cair kepada Aset Keseluruhan sebanyak 46.5% pada suku pertama tahun 2022 untuk mendukung aktiviti-aktiviti perantaraan kewangan. Jumlah keseluruhan aset industri perbankan telah meningkat sebanyak 9.3% tahun-ke-tahun kepada BND19.8 bilion disebabkan oleh peningkatan pelaburan di luar negara. Deposit industri perbankan juga turut meningkat sebanyak 14.2% tahun-ke-tahun kepada BND16.8 bilion terutamanya bagi *time deposits*.
13. Bank-bank dapat meneruskan pembekalan aliran kredit kepada ekonomi dengan peningkatan jumlah keseluruhan pinjaman/pembiayaan sebanyak 6.3% kepada BND6.2 bilion pada suku pertama tahun 2022 berbanding dengan BND5.8 bilion pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh pinjaman/pembiayaan sektor perniagaan, terutamanya sektor pembuatan. Sementara itu, kualiti aset bagi industri perbankan juga telah bertambah baik pada suku pertama tahun 2022 dengan nisbah pinjaman/pembiayaan tertunggak bersih (NPLF) pada 1.7% berbanding dengan 2.5% pada tahun sebelumnya.
14. Dengan peningkatan ketidakpastian berikutan penularan wabak COVID-19 dan keadaan kadar faedah/keuntungan yang masih rendah di peringkat global, pulangan keuntungan dari industri perbankan telah merekodkan penurunan dengan agregat nisbah Pulangan kepada Aset [*Return on Assets*] dan Pulangan kepada Ekuiti [*Return on Equity*] masing-masing sebanyak 0.6% dan 3.0%. Walaupun telah mengalami tekanan terhadap tahap keuntungan, industri perbankan

terus dapat memberikan bantuan yang sewajarnya kepada peminjam-peminjam yang terkesan oleh pandemik COVID-19.

15. Dengan peralihan Negara Brunei Darussalam ke fasa endemik dan beberapa pelonggaran kepada sekatan, sebahagian peniaga-peniaga dan individu-individu yang terjejas dari segi kewangan telah mula pulih daripada impak pandemik COVID-19 tersebut. Oleh itu, selepas 30 Jun 2022, BDCB tidak lagi memberikan kelonggaran kepada beberapa peraturan perbankan kepada bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan yang telah diperkenalkan pada 1 April 2020. Sebarang bantuan dari sektor perbankan adalah tertakluk kepada budi bicara bank dan syarikat kewangan masing-masing.
16. Pengecualian yuran dan caj untuk pemindahan dana antara bank tempatan dalam talian (tidak termasuk caj pihak ketiga) telah mendorong peningkatan penggunaan sistem Real-Time Gross Settlement (RTGS) oleh pelanggan-pelanggan bank sebanyak 126.0% tahun-ke-tahun pada tahun 2021. Sementara itu, jumlah pemindahan Direct Credit dalam sistem Automated Clearing House (ACH) juga mencatatkan peningkatan tahunan sebanyak 17.6% bagi tempoh yang sama. Untuk menggalakkan lagi penggunaan pembayaran digital, pengecualian yuran dan caj untuk pemindahan dana antara bank tempatan dalam talian melalui sistem-sistem RTGS dan ACH telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2022.
17. Walaupun pembayaran secara digital didapati telah meningkat semasa pandemik COVID-19, wang tunai masih merupakan kaedah pembayaran yang penting di negara ini. Dalam memastikan ketersediaan, kemudahan dan aksesibiliti mata wang untuk orang ramai, BDCB terus melaksanakan peranannya untuk mengeluarkan mata wang kepada bank-bank semasa pandemik COVID-19. Bagi membantu dan memudahkan pihak bank dalam pengurusan mata wang semasa pengenalan langkah kawalan ketat, BDCB telah mengeluarkan beberapa surat nasihat dan mengadakan perbincangan secara berterusan dengan pihak bank untuk memastikan operasi perniagaan yang selamat dan terjamin.
18. Sektor perniagaan menukar wang terus terkesan oleh pandemik di mana jumlah belian dan jualan mata wang asing telah masing-masing menurun secara drastik sebanyak 62.9% dan 79.2% pada tahun 2021 berbanding tahun 2020. Bagi membantu mengurangkan bebanan kewangan yang terus dialami oleh pemegang-pemegang lesen perniagaan menukar wang, pindaan kedua ke atas notis *Temporary Regulatory Relief Measure for Money-Changing Business* telah dikeluarkan pada 21 Disember 2021 yang memperkenalkan beberapa langkah interim tambahan. Langkah-langkah ini termasuk pengurangan bayaran yuran lesen sehingga 31 Disember 2023; penangguhan untuk menghadapi penyata untung dan rugi sehingga 30 Jun 2022; dan peluang bagi pemegang-pemegang lesen perniagaan untuk memohon penangguhan operasi perniagaan.

19. Selaras dengan matlamat strategik Pillar III di dalam Financial Sector Blueprint (2016-2025), iaitu dalam memastikan infrastruktur kritikal di sektor kewangan adalah menepati piawaian antarabangsa dan dikemaskini mengikut perkembangan teknologi dan risiko terkini, pihak BDCB telah mengeluarkan *Guidelines on Technology Risk Management for Financial Institutions* dan *Guidelines on IT Third Party Risk Management for Financial Institutions* pada 20 Januari 2022.
20. Untuk mempertingkatkan lagi tahap profesionalisme di dalam sektor kewangan, BDCB telah mengeluarkan *Notice on Academic Qualification and Work Experience Requirement for Capital Markets Services Representative's Licence* (CMSRL) pada 2 Februari 2022 yang memperkenalkan keperluan minima kelayakan akademik dan pengalaman kerja menurut peraturan 31 dan 40(2) Securities Markets Regulations, 2015 bagi menentukan kecekapan dan kebolehan para pemohon CMSRL. BDCB telah mengeluarkan *Guideline on Issuance of Debentures* pada 1 Mac 2022 untuk memberikan panduan dan memperkenalkan piawaian dalam pengeluaran produk debentur (termasuk bon korporat) di Negara Brunei Darussalam.
21. Sebagai langkah berterusan BDCB untuk mengukuhkan rejim penyeliaan bagi perlindungan pemegang polisi di Negara Brunei Darussalam, BDCB telah mengeluarkan Notis mengenai Proses Permohonan dan Keperluan Perniagaan Insurans Berkaitan Pelaburan bagi Syarikat Insurans untuk mengukuhkan lagi urus tadbir dalam perniagaan tersebut. Dengan adanya keperluan baru ini, syarikat insurans dikehendaki untuk memberikan layanan yang adil kepada pemegang polisi di dalam menjaga nilai polisi yang berkaitan dengan pelaburan yang ditawarkan, termasuk pengurusan dana, pendedahan, pembayaran, pemasaran dan keperluan laporan. BDCB juga telah memperkenalkan garis panduan berkaitan dengan *underwriting* dan pengurusan tuntutan. Sebagai sebahagian daripada rangka kerja urus tadbir secara keseluruhan, garis panduan tersebut bertujuan agar industri mempunyai sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang berkesan berhubung dengan aktiviti teras masing-masing.
22. Industri kewangan akan terus memainkan peranan penting dalam mendukung pertumbuhan ekonomi dan BDCB akan memastikan kedayatahan sektor kewangan. Memandangkan situasi ekonomi global yang tidak menentu dan sukar diramal, pihak BDCB akan sentiasa memantau impak kejutan luaran dan penularan wabak COVID-19 ke atas ekonomi dan sektor kewangan demi menjaga kestabilan monetari dan kewangan, dan bagi memastikan operasi dan perkhidmatan-perkhidmatan kewangan yang penting dapat terus berjalan dengan lancar.

Sumber-sumber data:

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES)
International Monetary Fund (IMF)
World Bank (WB)